

Penggunaan Drâma Bagi Penjanaân Frâsa Kerja Yang Menggambarkan Perâsaan Dalam Penulisan Karângan

Mahirah Mohd Thoimi

mahirah_mohd_thoimi@schools.gov.sg

Norsuhana Binte Sahmat

norsuhana_sahmat@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Punggol

Abstrak

Murid-murid Darjah 5 didapati tidak dapat mengembangkan gambaran emosi dengan berkesan semasa menulis karangan. Ramai murid yang mempunyai perbendaharaan kata yang terhad apabila menggambarkan watak atau menulis tentang perasaan. Kajian ini dijalankan untuk meninjau kesan dramatisasi visual dalam pengajaran agar murid-murid dapat menjana dan menggunakan frasa kerja yang menggambarkan perasaan dalam penulisan karangan. Strategi pengajaran secara eksplisit dan teknik simulasi yang melibatkan lakonan kaku dan bingkai kaku telah digunakan sepanjang kajian. Penilaian secara praujian dan pascaujian digunakan untuk mengumpul data. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dramatisasi visual mampu membantu murid-murid menggambarkan emosi dengan lebih baik dalam penulisan karangan.

Kata Kunci: karangan, frasa, dramatisasi, emosi, perasaan



PENGENALAN

Penggunaan teknik drama dalam pengajaran Bahasa Melayu bukanlah sesuatu yang baharu dalam kalangan pendidik di Singapura. Teknik-teknik drama yang pelbagai amat berkesan untuk memupuk keyakinan diri dalam kalangan murid dan meningkatkan kecekapan membaca dan bertutur. Namun, penggunaan drama untuk meningkatkan kemahiran menulis karangan masih belum diterokai secara meluas. Kekurangan pengalaman murid-murid dan kosa kata yang terhad menyekat kemampuan mereka untuk menggunakan frasa-frasa yang sesuai dan menarik untuk menggambarkan perasaan dalam penulisan karangan. Dramatisasi visual membuka ruang dan peluang kepada murid-murid untuk memahami konteks frasa-frasa yang diajarkan.

Salah satu aspek penulisan karangan yang baik memerlukan murid-murid untuk menggambarkan ekspresi dan emosi sesuatu watak dengan berkesan. Kekurangan aspek ini amat ketara dalam karangan murid-murid Darjah 4 pada tahun 2017 kerana mereka kerap mengulangi kosa kata yang mudah dan sama. Lantas, mereka dipilih sebagai subjek kajian untuk melihat keberkesanan dramatisasi visual dalam penulisan karangan mereka.

Menurut Mages (2006), dramatisasi membantu murid lebih memahami plot cerita dan perasaan watak, walaupun pada awalnya mereka mempunyai kosa kata yang terhad. Dengan menggunakan pergerakan badan, ekspresi muka dan suara mereka untuk menggambarkan sesuatu keadaan atau perasaan, mereka lebih memahami konteks di sebalik frasa-frasa kerja yang diajarkan. Justeru, murid-murid lebih cenderung untuk mengingat kembali dan menggunakan frasa-frasa tersebut dalam karangan mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Secara amnya, murid-murid mampu menulis cerita yang lengkap kerana mereka memberikan tumpuan terhadap isi cerita sahaja. Namun, mereka tidak dapat menggambarkan perasaan watak di dalam cerita dengan baik kerana hanya menggunakan kosa kata yang mudah dan digunakannya berulang-kali. Kosa kata yang ditulis terbatas kepada pernyataan literal tanpa sebarang penjelasan yang lebih mendalam. Hal ini mengakibatkan karangan mereka menjadi ringkas dan mudah serta tidak mencerminkan kematangan dalam penulisan.

Bagi mengatasi masalah ini, guru-guru memperkenalkan dramatisasi visual di peringkat Darjah 5 bagi membantu murid-murid untuk menjana kosa kata dan frasa-frasa yang sesuai untuk menggambarkan emosi, khususnya



perasaan gembira, sedih dan marah. Guru-guru berharap murid-murid dapat menguasai kemahiran ini supaya dapat digunakan dengan berkesan dalam menulis kedua-dua jenis soalan karangan, iaitu karangan berdasarkan gambar bersiri dan karangan berdasarkan bertajuk.

TUJUAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk:

1. meninjau keupayaan murid-murid menjana kosa kata dan memahami penggunaannya; dan
2. meningkatkan kemahiran menulis murid dengan menggunakan frasa kerja yang menunjukkan perasaan.

KAJIAN LEPAS

Menurut kajian Piaget (1962) tentang perkembangan kanak-kanak, beliau mendapati bahawa perkembangan bahasa perlu melalui tiga tahap, iaitu pengalaman sebenar dengan tindakan atau objek, pengalaman dramatik, dan komunikasi secara lisan. Melalui dramatisasi visual, murid-murid akan menjalani ketiga-tiga tahap yang dijelaskan itu. teori pembelajaran Vygotsky (1986) pula menjelaskan, pengajaran yang melibatkan pergerakan fizikal adalah penting dalam pembangunan pemikiran dan bahasa manusia. Penggunaan drama di dalam bilik darjah, mencerminkan pembelajaran yang aktif, menggalakkan interaksi antara murid, berpusatkan pengalaman murid dan menyediakan cara yang berkesan untuk belajar.

Greenfader dan Brouillette (2013) berpendapat bahawa penggunaan teknik drama dalam bilik darjah mampu memberi peluang kepada murid untuk meningkatkan kemahiran bertutur dan mendengar dalam persekitaran yang selesa dan menyeronokkan. Hal ini menggalakkan murid-murid menjana kosa kata dan frasa-frasa yang sesuai untuk menggambarkan perasaan gembira, sedih dan marah.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk eksperimental yang dijalankan oleh para guru hasil daripada pemerhatian terhadap penulisan murid yang tidak banyak menggunakan kosa kata yang menarik semasa menyatakan emosi. Memandangkan aspek perasaan lazimnya diketengahkan dalam penulisan karangan, guru mengambil keputusan bahawa penjana frasa-frasa kerja yang menggambarkan perasaan boleh didedahkan kepada murid menerusi teknik drama. Tambahan



pula, teknik drama yang dipilih mengandungi kesan visual dan ini akan membantu murid untuk memahami makna sesuatu frasa yang didedahkan kepada mereka.

Terdapat beberapa peringkat dalam kajian yang telah dilaksanakan. Pertama, peringkat praujian dijalankan untuk melihat bagaimana murid menggunakan aspek perasaan dalam karangan mereka. Guru melihat sama ada murid menerangkan perasaan watak dalam karangan mereka dan adakah aspek tersebut dijelaskan dalam bentuk perkataan atau frasa. Ini diikuti dengan perbincangan guru dalam memilih bentuk perasaan yang ingin diketengahkan.

Seterusnya, pelaksanaan teknik drama dalam pembelajaran frasa kerja yang menggambarkan perasaan dijalankan sebanyak tiga kitaran. Peringkat selanjutnya merupakan pascaujian untuk meneliti sama ada murid dapat menggunakan frasa kerja yang dipelajari dengan betul. Setelah mengumpulkan hasil kerja murid, guru akan meneliti dapatan tersebut dan membuat kesimpulan sama ada teknik yang diaplikasikan dalam pembelajaran frasa kerja tersebut berkesan; jumlah frasa kerja yang menggambarkan perasaan yang telah digunakan, dan adakah penggunaan frasa itu mengandungi kesilapan bahasa.

Amalan Pengajaran Singapura (STP) telah diterapkan dalam menjalankan kajian ini. Guru menggunakan aktiviti mengajar yang dapat mengaktifkan pengetahuan sedia ada murid dan menggalakkan pelibatan murid di dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) penulisan karangan ini. Guru juga memantau dan memberikan maklum balas untuk menilai keberkesanan PdP ini. Rujuk Jadual 1 di bawah ini.



Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

| Proses Pengajaran | Aspek Pengajaran (AP) | Aktiviti Mengajar (AM) |
|----------------------------|---|---|
| Pelaksanaan Pelajaran | <p>AP13: Mengaktifkan Pengetahuan Sedia Ada</p> <p>AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar</p> <p>AP17: Memberikan Penerangan yang Jelas</p> | <p>AM1: Fikir- Berpasangan – Berkongsi AM1 memberi ruang kepada murid untuk berinteraksi dengan rakan dan memberikan respons kepada guru berdasarkan soalan yang diajukan.</p> <p>AM3: Pelibatan menerusi kerjasama dan interaksi AM3 pula membolehkan murid untuk menggunakan teknik drama untuk membantu mereka menjana frasa kerja yang menggambarkan perasaan dan memahami maksud frasa tersebut.</p> <p>AM2: Melakukan Tunjuk Cara atau Modeling Guru menjalankan tunjuk cara supaya murid memahami teknik drama tersebut dan dapat melakukan tugas yang diberikan dengan betul.</p> |
| Penilaian dan Maklum Balas | AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas | <p>AM1: Maklum Balas dalam Bentuk Komen Sahaja AM pula memberi ruang kepada guru untuk memperbaiki kaedah pengajaran setelah setiap kitaran.</p> |
| Penerangan dan Justifikasi | <p>Memandangkan murid sudah mempunyai pengetahuan dalam penulisan karangan, guru memilih AP mengaktifkan pengetahuan sedia ada untuk mengetahui bagaimana mereka menggambarkan sesuatu perasaan. Dengan menggunakan AP15, pelibatan murid diharapkan dapat ditingkatkan dan dapat menghasilkan frasa-frasa yang dihasilkan oleh murid itu sendiri. Penerangan yang jelas juga penting agar murid tahu bagaimana mereka harus menyelesaikan sesuatu tugas yang diberikan berdasarkan arahan guru. Pada setiap akhir pengajaran, guru akan mendapatkan maklum balas murid untuk melihat sejauh mana pemahaman murid dalam pengajaran yang telah dilaksanakan.</p> | |

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 29 orang murid bahasa Melayu Darjah 5 pelbagai aras kebolehan. Secara umum, semua murid telah dilengkapi dengan



pengetahuan dan kemahiran menulis karangan berdasarkan gambar mengikut format PSLE.

Instrumen Kajian

Penulisan karangan yang lengkap telah digunakan dalam praujian dan pascaujian untuk melihat keberkesanan dramatisasi dalam membantu murid menjana dan memahami maksud frasa kerja yang menggambarkan perasaan. Guru telah memilih dua jenis teknik drama, iaitu simulasi yang melibatkan lakonan kaku dan dan bingkai kaku. Pemilihan ini telah dilakukan berdasarkan pembacaan guru mengenai bagaimana setiap teknik drama itu dilaksanakan. Akhirnya, simulasi dan bingkai kaku telah dipilih kerana kedua-dua teknik mengandungi kesan visual yang berkesan dan tidak memerlukan murid bertutur di depan khalayak. Hal ini akan meningkatkan keyakinan murid yang bersifat pemalu untuk melibatkan diri dalam pengajaran yang dijalankan.

Kad senario yang digunakan bagi aktiviti gambar kaku memberi gambaran kepada murid tentang penggunaan frasa kerja yang menggambarkan perasaan dalam penulisan. Penulisan berkumpulan berdasarkan gambar kaku ini memberi ruang kepada murid di bawah aras kebolehan bekerjasama dengan murid-murid melebihi aras kebolehan dan pada aras kebolehan dalam menghasilkan sebuah cerita ringkas. Borang maklum balas digunakan pada akhir kajian ini digunakan untuk menilai keberkesanan teknik drama ini dalam PdP.

Prosedur Kajian

Setelah praujian dijalankan, perbincangan dilakukan bagi merancang bahan-bahan yang akan digunakan dijalankan. Guru memulakan kitaran pertama dalam pengajaran frasa kerja yang menggambarkan perasaan. Tiga jenis perasaan telah dipilih dalam pengajaran ini, iaitu gembira (kitaran 1), sedih (kitaran 2) dan marah (kitaran 3). Ketiga-tiga perasaan ini dipilih berdasarkan kerana murid sering menggunakan perasaan-perasaan ini dalam penulisan karangan mereka. Dalam setiap kitaran, proses-proses yang telah dimasukkan dalam rancangan pelajaran merupakan proses yang sama agar murid terbiasa dan tahu bagaimana mereka dapat menjana frasa-frasa melalui proses yang telah ditetapkan para guru.

Pengajaran dengan menggunakan dramatisasi ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama tertumpu kepada penjaanaan dan pemahaman frasa kerja yang menggambarkan perasaan. Bahagian kedua menjurus kepada penggunaan frasa kerja dalam penulisan.



Sebagai permulaan, guru akan menerangkan kepada murid objektif pelajaran. Ini diikuti dengan aktiviti yang dapat mengaktifkan pengetahuan sedia ada murid. Guru menggunakan soalan bagi mendapatkan contoh frasa yang digunakan untuk menerangkan perasaan, contohnya gembira. Kemudian, murid akan berbincang dan bertukar-tukar idea dengan pasangan masing-masing. Seterusnya, murid akan berkongsi respons mereka dengan guru.

Dalam langkah kedua, guru akan menggalakkan pelibatan murid menerusi aktiviti berkumpulan yang menekankan kerjasama dan interaksi. Guru akan melakukan aktiviti lakonan kaku yang mirip dengan teknik drama simulasi. Aktiviti ini melibatkan setiap murid untuk menggayakan reaksi mereka apabila menerima sesuatu berita yang membuat mereka gembira, sedih atau marah. Guru akan bertindak sebagai jurugambar dan merakam aksi setiap murid. Melalui aktiviti ini, guru dapat mencungkil seberapa banyak aksi yang akan membantu murid-murid dalam penjaanan dan pemahaman frasa kerja yang menggambarkan perasaan.

Seterusnya, guru akan memainkan video yang telah dirakam dan memandu murid-murid untuk menyenaraikan frasa-frasa kerja berdasarkan pergerakan tubuh dan mimik muka mereka. Guru akan menulis frasa-frasa tersebut di kertas sebak dan menerangkan maksud di sebalik frasa-frasa itu.

Selanjutnya, murid akan melakukan kerja berkumpulan. Setiap kumpulan akan diberikan kad senario yang mengandungi frasa kerja yang menunjukkan perasaan. Sebagai contoh, jika fokus pengajaran pada hari itu merupakan perasaan gembira, maka, dalam kad senario itu akan terdapat frasa seperti melompat kegembiraan, “tersenyum lebar”. Setiap kumpulan akan melakukan aktiviti bingkai kaku berdasarkan kad senario yang diterima. Aktiviti ini akan mengukuhkan lagi pemahaman mereka mengenai makna frasa kerja yang diajarkan dan sedar bagaimana frasa itu digunakan dalam konteks sebuah cerita apabila menghasilkan penulisan karangan mereka.

Bahagian kedua pengajaran ini dijalankan pada hari seterusnya. Guru akan mengimbas kembali pengajaran sebelumnya dan diikuti pula dengan bahagian modeling. Murid-murid akan ditunjukkan bagaimana untuk menghasilkan satu cerita pendek berdasarkan bingkai kaku yang telah diambil dan menggunakan senarai perkataan yang terdapat dalam templat penulisan. Cerita pendek yang dihasilkan harus mengandungi sekurang-kurangnya satu frasa kerja yang dipelajari sebelum ini. Kemudian, murid-murid akan menyelesaikan penulisan cerita pendek secara berkumpulan. Guru akan memilih beberapa hasil kerja murid secara rawak untuk dibincangkan secara beramai-ramai.



Pada langkah terakhir, guru akan merumuskan pengajaran melalui sesi maklum balas secara lisan untuk mendapatkan respons mengenai pengajaran yang telah dijalankan. Setelah selesai ketiga-tiga kitaran pengajaran menggunakan teknik drama dilakukan, guru akan menjalankan pascaujian untuk melihat keberkesanan pengajaran yang dijalankan.


Bagi pascaujian, guru telah memilih gambar karangan yang mempunyai ciri-ciri emosi yang diinginkan. Senarai frasa kerja yang telah dikumpulkan bagi ketiga-tiga pengajaran turut diberikan sebagai bahan rujukan sewaktu murid menulis karangan. Guru juga menyediakan senarai semak sebagai panduan murid menyemak karangan mereka bagi memastikan tuntutan menulis karangan tercapai.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan data kuantitatif yang diperoleh, dapat dirumuskan bahawa hampir semua murid dapat menggunakan sekurang-kurangnya satu frasa kerja yang menunjukkan perasaan dalam penulisan karangan mereka. Murid-murid ini berjaya mengembangkan aspek perasaan dalam penulisan karangan mereka. Selepas pascaujian terdapat 19 murid menggunakan 1 atau 2 frasa kerja yang menunjukkan perasaan dalam karangan mereka. Terdapat juga seramai 10 murid yang menggunakan lebih daripada 3 frasa kerja yang menunjukkan perasaan dalam karangan mereka. Ini adalah satu pencapaian yang baik jika dibandingkan semasa praujian, seramai 28 murid tidak langsung menggunakan frasa kerja yang menunjukkan perasaan dalam karangan mereka. Ini dapat dilihat dalam Rajah 1 yang menunjukkan penggunaan frasa kerja yang menunjukkan perasaan semasa praujian dan pascaujian dalam penulisan karangan mereka.



Rajah 1: Penggunaan Frasa Kerja bagi Praujian dan Pascaujian



Jadual 2 dan 3 di bawah ini menunjukkan hasil kerja murid yang menggunakan frasa kerja yang menunjukkan perasaan. Frasa kerja yang digunakan memberikan kesan visual yang lebih menonjol dalam menerangkan sesuatu perasaan itu.

Jadual 2: Contoh Frasa Kerja yang Digunakan dalam Praujian

| Emosi | Frasa yang sering digunakan oleh murid semasa praujian |
|---------|--|
| gembira | 1. berasa gembira 2. dengan gembira 3. Mata Daniel bersinar ... |
| sedih | 1. menangis 2. kelihatan sedih 3. kelihatan muram 4. Wajah Ahmad yang muram ... |



Jadual 3: Contoh Frasa Kerja yang Digunakan dalam Pascaujian

| Emosi | Konteks penggunaan yang tepat tetapi mengandungi kesilapan bahasa |
|---------|---|
| gembira | 1. ... melompat <u>dengan</u> kegembiraan |
| sedih | 1. Air matanya tiba-tiba <u>bergenang air</u> . 2. Fizi cuba untuk <u>bergenang air matanya</u> . |
| marah | 1. <u>Dengan</u> meninggi suaranya, 2. <u>Encik Tan muka</u> menjadi merah padam. 3. ... dan <u>memberikan menenung (renungan)</u> dengan tajam. 4. <u>Orang itu menoleh dan (mukanya) menjadi</u> merah padam. 5. <u>Penglihatan (Kelihatan) muka</u> Encik itu menjadi merah padam. |

Namun, terdapat segelintir murid yang melakukan kesilapan bahasa sewaktu menggunakan frasa-frasa kerja ini dalam karangan mereka sama ada kesilapan imbuhan atau kesilapan dari segi struktur ayat. Frasa kerja yang mempunyai kesilapan ini ejaan diambil kira sebagai penggunaan yang tepat kerana tidak menjejaskan makna dalam ayat. Contoh-contoh kesilapan ini telah digariskan dalam Jadual 3. Oleh itu, untuk membantu murid-murid yang telah melakukan kesilapan, guru menyediakan contoh-contoh karangan yang telah disemak dan dibetulkan supaya mereka lebih faham cara menggunakan frasa-frasa ini. Jadual 4 di bawah ini menunjukkan bilangan frasa kerja yang digunakan dengan tepat.

Jadual 4: Bilangan Frasa Kerja yang digunakan dengan tepat

| Bilangan frasa kerja yang digunakan dengan tepat | 1 - 2 | > 3 |
|--|-------|-----|
| Jumlah murid | 7 | 1 |
| % | 24.1 | 3.4 |

Berdasarkan dapatan maklum balas murid, jelas menunjukkan hampir semua murid seronok belajar menulis karangan melalui dramatisasi visual. Bahkan, terdapat beberapa orang murid yang berjaya menggabungkan dua frasa kerja yang menunjukkan perasaan dalam satu ayat. Kebolehan murid-murid ini membuktikan salah satu tujuan kajian ini telah tercapai, iaitu meningkatkan kemahiran menulis murid dengan menggunakan frasa kerja yang menunjukkan perasaan yang telah dipelajari.

Jadual 5: Borang Maklum Balas Murid

| No | Item | Tidak setuju | Kurang Setuju | Setuju | Sangat setuju |
|----|---|--------------|---------------|--------|---------------|
| 1. | Aktiviti lakonan kaku membantu saya menghasilkan kosa kata untuk menggambarkan perasaan. | 0 | 11.1% | 51.9% | 37.0% |
| 2. | Aktiviti bingkai kaku memberikan saya idea untuk menggunakan frasa kerja yang menggambarkan perasaan dalam penulisan. | 3.7% | 3.7% | 51.9% | 40.7% |
| 3. | Menerusi teknik drama, saya dapat menjana sekurang-kurangnya dua frasa kerja yang menggambarkan perasaan. | 0 | 11.1% | 55.6% | 33.3% |
| 4. | Saya dapat menggunakan sekurang-kurangnya dua frasa kerja (perasaan) dengan lebih yakin dalam karangan saya. | 0 | 7.4% | 51.9% | 40.7% |
| 5. | Secara keseluruhan, saya berasa seronok menulis karangan menerusi teknik drama yang diperkenalkan. | 7.4% | 11.1% | 55.6% | 25.9% |

Namun, terdapat segelintir murid yang tidak setuju atau kurang setuju dengan penggunaan dramatisasi visual. Mereka merupakan murid-murid yang mempunyai sifat malu dan kurang keyakinan diri. Keadaan ini sememangnya tidak dapat dielakkan. Menurut Gardner (1983), tidak semua orang mempunyai keupayaan intelektual yang sama. Walaupun penting untuk mendapatkan pelibatan penuh murid-murid, guru perlu peka terhadap keperluan murid-murid yang berbeza dan bijak memilih teknik drama yang sesuai dengan profil pembelajaran mereka.

KESIMPULAN

Dramatisasi boleh dianggap sebagai satu kaedah pengajaran yang baik kerana dapat meningkatkan keyakinan murid menggunakan bahasa Melayu dalam semua aspek kemahiran dan meningkatkan kematangan serta motivasi pelajar. Selain itu, dramatisasi membantu dalam kemahiran penulisan karangan murid kerana mereka mengetahui makna frasa kerja yang digunakan. Sepanjang kajian ini, didapati bahawa pelibatan fizikal murid-murid sewaktu menjalani



teknik Simulasi lakonan kaku dan bingkai kaku berkesan sebagai satu pendekatan holistik yang menumpukan kepada pembelajaran berpusatkan murid. Murid-murid dapat menjana kosa kata dan memahami penggunaannya dalam penulisan. Dramatisasi visual memberi peluang kepada murid-murid untuk memanfaatkan personaliti mereka sekali gus membangkitkan minat dan imaginasi mereka. Kesimpulannya, murid-murid dapat menggunakan frasa kerja yang menunjukkan perasaan di dalam konteks dan mampu menggambarkan perasaan sesuatu watak di dalam karangan mereka dengan lebih efektif.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Hairani Binte Asri
2. Norwati Binte Sulaiman

RUJUKAN

Gardner, H. (1983). *Frames of mind: The theory of multiple intelligences*. New York: Basic Books.

Mages, W.K. (2006). *Drama and imagination: a cognitive theory of drama's effect on narrative comprehension and narrative production*. *Research in Drama Education*, 11(3), 329–340.

Piaget, J. (1962). *Play, dreams, and imitation in childhood*. New York, NY: Norton.

Pusat Bahasa Melayu Singapura, (2016). *Pembelajaran bahasa melalui drama (Sekolah Rendah)*. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

Vygotsky, L. (1986). *Thought and language*. Cambridge, MS: The Massachusetts Institute of Technology.

<https://escholarship.org/uc/item/8kd8f8dn> - dirujuk terakhir pada 19 November 2018

